



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA



**MALAYSIA  
MADANI**

MEMBANGUN  
**MALAYSIA MADANI**  
MELALUI KONSEP  
PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN





## KANDUNGAN

### PENDAHULUAN

(MS:2)

- Sejarah Malaysia
- Kerajaan Perpaduan Pasca Pilihanraya Umum Ke15 (PRU-15)
- Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI

### ASAS PEMBENTUKAN KERANGKA MEMBANGUN MALAYSIA MADANI MELALUI KONSEP PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

(MS:6)

- Membangun Negara Madani: Visi Dan Kerangka Reformasi
- Dasar Perpaduan Negara

### MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

(MS:10)

- Nilai-Nilai Malaysia Madani
- Fokus Utama Kerajaan
- Penggerak Utama
- Asas Pembentukan Negara Dan Penyatupaduan Masyarakat

### PERPADUAN MALAYSIA MADANI

(MS:13)

- Objektif
- Pernyataan Konsep
  - Perpaduan Dalam Kepelebagaian
  - Perpaduan Kefahaman Terkini
- Isu dan Cabaran (Defisit Sosial)
- Teras Perpaduan
  - Patriotisme Dan Demokrasi
  - Identiti Nasional
  - Ekosistem Perpaduan
- Strategi Pelaksanaan
- Kembara Perpaduan Malaysia Madani (*Flagship*)
- Program Perpaduan Malaysia MADANI
  - Semarak Kenegaraan
  - Semarak Perpaduan
  - Komuniti Rahmah
- Pembolehdaya Perpaduan
- Jentera Pelaksana
- Kumpulan Sasar
- Tempoh Pelaksanaan

### PENILAIAN PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

(MS:34)

### PENUTUP

(MS:36)

### LAMPIRAN

(MS:37)

# **MEMBANGUN MALAYSIA MADANI MELALUI KONSEP PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN**

---

## **PENDAHULUAN**

### **Sejarah Perpaduan Negara**

1. Umum mengetahui pembentukan Persekutuan Malaysia adalah hasil penggabungan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Penggabungan ini menyaksikan pertambahan masyarakat majmuk dengan identiti kepelbagaian kaum, budaya, agama dan adat resam yang diikat atas persetujuan kontrak sosial untuk hidup dalam satu unit politik yang sama.
2. Rakyat Malaysia juga telah menerima fakta sejarah bahawa Malaysia memiliki masyarakat majmuk dan pelbagai. Setiap kaum di Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain yang mempunyai adat dan budaya tersendiri telah membentuk kepelbagaian yang kaya dan unik dalam masyarakat.
3. Namun, peristiwa 13 Mei 1969 menyaksikan sejarah pergolakan kaum yang menimbulkan keresahan rakyat dan menjadi titik permulaan kepada usaha dan tindakan Kerajaan menangani isu-isu perpaduan kaum. Semenjak peristiwa tersebut, Kerajaan secara berterusan mencari formula yang menyumbang kepada kesepaduan sosial, membentuk kestabilan politik dan hubungan etnik yang harmoni dan bersatu padu.

4. Usaha ini dilihat melalui penubuhan institusi yang berperanan secara langsung untuk menerajui usaha mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional iaitu Jabatan Perpaduan Negara mulai tahun 1969. Walaupun telah beberapa kali melalui perubahan nama dan status, peranan utama institusi berkenaan tetap sama iaitu sebagai peneraju untuk menyemai, meningkat serta mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

5. Komitmen Kerajaan dalam melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat dan kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara menyaksikan Kementerian Perpaduan Negara telah diwujudkan semula pada 10 Mac 2020 setelah dimansuhkan pada tahun 1974 bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun.

### **Kerajaan Perpaduan Pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15)**

6. Pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) telah menyaksikan pembentukan sejarah politik pentadbiran negara dengan konsep pentadbiran Kerajaan Perpaduan. Aspek perpaduan kaum dilihat amat kritikal dalam mewujudkan sebuah negara yang stabil dan seterusnya membawa impak positif kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

7. Kerajaan Perpaduan yang diterajui Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim menekankan keperluan meneliti faktor asas iaitu sejarah dan warisan kemajmukan masyarakat Malaysia dipertimbangkan dalam segenap aspek penggubalan dan pelaksanaan dasar.

8. Melihat kepada peri pentingnya seluruh rakyat memahami sejarah, ketamadunan serta warisan negara dalam usaha melahirkan rakyat yang mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara yang tinggi, maka Kementerian Perpaduan Negara telah diperkukuhkan melalui penambahan tiga (3) agensi iaitu Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara.

### **Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI Berkenaan Kepentingan Memelihara Keharmonian dan Perpaduan Kaum**

9. Dalam Pembukaan Sidang Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas pada 13 Februari 2023, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah bertitah mengenai kepentingan menghormati kepelbagaian kaum sebagai asas kepada kestabilan negara. Petikan titah Baginda adalah seperti berikut:

*“Semangat muhibah dan saling menghormati antara kaum adalah asas kepada kestabilan negara. Kerana itu, keutuhan keharmonian menerusi gagasan perpaduan yang berlandaskan prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan hendaklah dijadikan agenda utama demi nusa tercinta.*

*Selain itu, agenda perpaduan dalam konteks kebudayaan juga perlu diberi tumpuan melalui pelaksanaan program-program berorientasikan perpaduan masyarakat berbilang kaum di*

*Malaysia. Ianya juga adalah selaras dengan ajaran Islam yang menganjurkan umatnya untuk mengamalkan sifat tasamuh atau toleransi dan menghindari gejala pelampau yang boleh menggugat keharmonian kaum.*

*Sebenarnya, semenjak negara mencapai kemerdekaan 66 tahun yang lalu, kita telah menerima kemajmukan dan kepelbagaian yang wujud sebagai kekuatan utama negara. Pada usia 66 tahun, kita sepatutnya telah matang untuk menjadikan perbezaan yang unik ini sebagai rencah utama dalam pembentukan sebuah bangsa Malaysia yang saling sayang menyayangi, menghormati antara satu dengan yang lain, toleran dan hidup dalam sebuah kesepaduan yang utuh. Jika kepelbagaian, kemajmukan dan kekusutan politik berterusan menjadi punca perbalahan dan perpecahan, Beta merasa khuatir suasana damai dan kemajuan yang didambakan tidak akan menjadi kenyataan buat selama-lamanya.*

*Ketepikan agenda politik sempit dan bersatu hati atas nama perpaduan. Kestabilan lanskap politik menerusi ikatan perpaduan dari Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dijadikan sebagai manifestasi dalam membentuk bangsa Malaysia dan era Malaysia baharu yang gemilang. Sesungguhnya: Perpaduan adalah penyatuan dalam perbezaan. Perpaduan adalah asas pembinaan kestabilan. Perpaduan adalah tiang kemakmuran. Perpaduan menyumbang kepada kemajuan. Perpaduan membawa kejayaan”*

*Titah Diraja Penggal Kedua Parlimen  
Kelima Belas pada 13 Februari 2023*

## **ASAS PEMBENTUKAN KERANGKA MEMBANGUN MALAYSIA MADANI MELALUI KONSEP PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN**

10. Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian ini telah dibentuk berdasarkan Buku Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi dan Dasar Perpaduan Negara (DPN) serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan di bawah KPN.

### **Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Reformasi**

11. MADANI merupakan iltizam Perdana Menteri Malaysia ke-10, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan bertindak sebagai ikhtiar yang menjelaskan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan. Empat (4) agenda utama yang digariskan MADANI ialah menumpukan kepada penyelesaian masalah, memenuhi keperluan semasa negara, menyentuh pencorak masa depan serta memenuhi potensi rakyat dan negara.

12. Pendekatan utama MADANI melihat kebolehubungan enam (6) nilai iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Keyakinan, Hormat dan Ihsan yang menjadikan dasar-dasar Kerajaan lebih bersikap kemanusiaan dan membuka peluang penambahbaikan berterusan melalui maklum balas rakyat di semua peringkat.

13. Empat (4) strategi utama MADANI adalah:

- 13.1. **Membina semula ekonomi**, melalui pendekatan *humane economy* menerusi penstrukturan semula ekonomi berasaskan etika dan kemampunan. Perlu menjauhi kemewahan, pembaziran, ketirisan, rasuah dan menyegerakan prasarana rakyat dan bantuan, merapatkan jurang pemisah dan melaksanakan kesamarataan kekayaan secara saksama;
- 13.2. **Menjamin kesejahteraan insan**, ditunjangi prinsip adil dan ihsan. Institusi kemasyarakatan diperkasakan untuk menjaga martabat dan maruah keinsanan (karma insaniah), normal sosial, hormat-menghormati dan solidariti. Menyemai semangat negara majmuk dan menghormati nilai kemasyarakatan ke arah pembinaan negara bangsa bertamadun tinggi.
- 13.3. **Reformasi institusi demokrasi dan perundangan** ke arah mengoptimumkan fungsi dan tanggungjawabnya bagi melaksanakan dasar-dasar berkaitan, serta memastikan ihsan dan rahmah (belas kasihan) menjadi ciri penting dalam penerapan kerangka dasar dan polisi; dan
- 13.4. **Mewujudkan pentadbiran beramanah** menerusi islah dan pembaharuan bagi mewujudkan sistem yang adil dan saksama dengan mengembur dan menyuburkan prinsip musyawarah dan demokrasi bersandarkan tata kelola baik, adil dan saksama.



14. Strategi ini turut dipacu oleh tiga (3) pemboleh daya strategik Malaysia MADANI bagi memastikan impak Malaysia MADANI dapat dirasakan oleh rakyat secara langsung. Pemboleh daya strategik berkenaan adalah:

- 14.1. Mendigitalkan perkhidmatan rakyat;
- 14.2. Mendayaupayakan bakat terbaik negara; dan
- 14.3. Pemeraksanaan pengurusan projek strategik.

15. Matlamat utama MADANI adalah mewujudkan sebuah masyarakat maju, terampil dan terangkum dan akhirnya membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain.

## **Dasar Perpaduan Negara**

16. Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen dasar yang menjadi kerangka asas dan hala tuju agenda perpaduan negara.

17. Dasar Perpaduan Negara merupakan dasar pertama negara yang menetapkan hala tuju bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan melalui strategi-strategi khusus agar perpaduan menjadi budaya dan amalan hidup yang diperakui, dihargai dan diimpikan oleh semua rakyat Malaysia.

18. Dasar Perpaduan Negara yang dibangunkan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara telah menetapkan tiga (3) Teras Perpaduan yang menjadi asas dalam pelaksanaan agenda perpaduan negara iaitu:

18.1. Patriotisme dan Demokrasi;

18.2. Identiti Nasional; dan

18.3. Ekosistem Perpaduan.

19. Inisiatif ini diperkukuhkan melalui penghasilan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merupakan pelan induk tindakan perpaduan. Pelan ini dihasilkan bagi menterjemahkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk program dan inisiatif yang lebih terancang dan terangkum.

20. Pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 merentas pelbagai Kementerian/ Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta secara bersepadu yang menekankan prinsip kebertanggungjawaban bersama dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan budaya berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

## KERANGKA MEMBANGUN MALAYSIA MADANI



Rajah 1: Kerangka Membangun Malaysia MADANI

21. Kerangka Membangun Malaysia MADANI (Rajah 1) menjelaskan secara umum bagaimana gabungan komponen penting saling berhubung dalam melaksanakan peranan ke arah pembentukan Malaysia MADANI.

22. Kerangka Membangun Malaysia MADANI bermatlamat untuk merungkai potensi sedia ada untuk dibangunkan dan ditambah baik dengan bersandarkan kemajmukan masyarakat yang dikongsi bersama seperti berikut:

### **Nilai-nilai Malaysia MADANI**

23. Terdapat enam (6) nilai yang menjadi inti sari pembangunan Malaysia MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

### **Fokus Utama Kerajaan**

24. Lapan (8) elemen iaitu Ekonomi dan Kewangan, Perundangan, Institusi, Pendidikan, Kemasyarakatan, Kebudayaan, Kemasyarakatan, Bandar dan Luar Bandar menjadi fokus utama Kerajaan untuk diteroka, diberi nafas baharu atau dibuat penambahbaikan bagi menyokong usaha-usaha membangun Malaysia MADANI.

25. Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan penting dalam dua (2) elemen iaitu kemasyarakatan dan kebudayaan. Dalam masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara turut menyokong usaha-usaha di bawah elemen lain iaitu pendidikan, institusi, ekonomi dan kewangan, perundangan, bandar dan luar bandar.

## **Penggerak Utama**


26. Agensi Kerajaan memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dan disokong oleh pihak swasta, badan bukan Kerajaan (NGO), *Civil Society Organisation* (CSO), masyarakat umum, institusi keluarga dan individu dalam memastikan kejayaan dan keberhasilan dasar serta tindakan ke arah membangun Malaysia MADANI.

## **Asas Pembentukan Negara dan Penyatupaduan Masyarakat**

27. Perlembagaan Persekutuan merupakan dokumen perundangan tertinggi yang menjadi asas kedaulatan negara. Ia merupakan sumber dan dasar bagi seluruh peraturan dan undang-undang yang wujud di Malaysia.

28. Manakala Rukun Negara pula adalah ideologi yang menyeragamkan fahaman kemajmukan dan kepelbagaian yang wujud di Malaysia dan telah diterima sebagai lambang perpaduan. Rukun Negara mempromosikan makna kemajmukan dan kepelbagaian dengan menekankan kepada penerimaan dan penghormatan terhadap kepelbagaian dalam masyarakat.

# MEMBANGUN MALAYSIA MADANI MELALUI KONSEP PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN (PERPADUAN MALAYSIA MADANI)



Rajah 2: Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI

## **Objektif Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian**

29. Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI (Rajah 2) bertujuan untuk mewujudkan suatu kerangka rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

30. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.

### **Penyataan Konsep**

31. Kerangka membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity In Diversity*) didasari oleh konsep perpaduan seperti berikut:

#### **31.1. Perpaduan Dalam Kepelbagaian**

- a) Merupakan konotasi daripada keupayaan seluruh rakyat Malaysia meraikan kemajmukan etnik, kepelbagaian agama, serta kekayaan budaya dan tradisi.

- b) Menjadi kekuatan dalam menjayakan sesuatu dasar yang dilaksanakan Kerajaan. Ia juga selari dengan hasrat pembangunan Malaysia MADANI yang menekankan kepada kekuatan sejarah dan warisan agung kemajmukan Malaysia.

### 31.2. **Perpaduan Kefahaman Terkini**

- a) Kepelbagaian etnik masyarakat di Malaysia lebih tepat difahami secara mendalam dan meluas dengan menggunakan pentakrifan konsep kefahaman perpaduan terkini berdasarkan tiga (3) konsep teras, iaitu perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan.
- b) Aplikasi tiga (3) konsep ini akan mempertingkatkan lagi kefahaman terhadap masyarakat iaitu:
  - i. **Perpaduan** adalah kesatuan masyarakat yang masih **diidamkan** dan merupakan matlamat akhir negara Malaysia yang berbilang etnik.
  - ii. **Kesepaduan Sosial** ialah keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang **dicapai** tetapi mengakui masih terdapat perbezaan dalam bentuk defisit sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat.



- iii. **Penyatupaduan** ialah **usaha berterusan** di semua peringkat lapisan masyarakat untuk menyelesaikan defisit sosial melalui pelbagai siri tapak integrasi yang akan melibatkan proses tawar-menawar (*bargaining*), perundingan (*negotiation*) dan mediasi (*mediation*)

### **Isu dan Cabaran Menguruskan Perpaduan Dalam Masyarakat Berbilang Kaum Dan Agama (Defisit Sosial)**

32. Pelbagai persoalan menuntut penelitian semua pihak terutama agensi kerajaan terhadap setiap perkara yang membawa kepada isu-isu kerumitan, percanggahan, kekacauan dan keserentakan serta persoalan kesiapsiagaan untuk mengatur sumber sedia ada di samping tuntutan kepada kehendak melakar masa hadapan yang diinginkan.

33. Dalam masyarakat yang rencam dengan adat dan budaya serta kepelbagaian anutan agama, isu sentiasa ada dan perlu diuruskan dengan berhemah. Isu dan cabaran yang berlegar dalam masyarakat sering kali dikaitkan sebagai masalah perpaduan atau dinamakan sebagai defisit sosial. Ia dikategorikan kepada 10 perkara seperti berikut:

#### **33.1. Etnisiti**

Kepelbagaian etnisiti sering kali dianggap sebagai batasan utama yang menggugat perpaduan. Kurangnya interaksi berkesan dan jalinan hubungan sosial di peringkat 'inter' dan 'intra' etnik menyebabkan ikatan hubungan kaum masih perlu diperkukuhkan.

### 33.2. **Agama**

Perbezaan pegangan agama ternyata disalah faham sebagai sempadan yang menghalang perpaduan dalam masyarakat kerana dilihat dalam konteks yang kurang tepat. Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi dalam masyarakat;

### 33.3. **Kelas Sosial**

Tidak dinafikan bahawa setiap sistem sosial masyarakat mempunyai hierarki kelas sosial yang disebabkan oleh struktur etnik, keturunan, pekerjaan, jawatan mahupun ekonomi. Kelas sosial seharusnya tidak menjadi penghalang kepada perpaduan kerana setiap kelas sosial masyarakat adalah saling melengkapi dari segi peranan dan tanggungjawab;

### 33.4. **Pendidikan**

Kewujudan institusi sekolah pelbagai aliran di negara ini (seperti sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa) sering kali difahami sebagai kekangan kepada usaha pemupukan perpaduan kepada rakyat kerana dilihat dalam konteks pemisahan berasaskan etnik. Hakikatnya, sistem pendidikan perpaduan yang dibina dan diamalkan akan berkesan sekiranya kandungan, kaedah dan program penghayatan perpaduan dalam setiap institusi dan sistem pendidikan yang wujud di negara ini diseragamkan, bermula dari pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi;

### 33.5. **Bahasa**

Bahasa Melayu telah termaktub sebagai Bahasa Kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan menjadi alat interaksi dan komunikasi kepada rakyat berbilang kaum dalam negara ini. Isu dan cabaran sebenar dalam konteks perpaduan ialah melaksanakan pendidikan Bahasa Kebangsaan dalam semua institusi dan peringkat pendidikan supaya semua rakyat mampu bertutur, menulis dan memahami antara satu sama lain merentasi etnik dalam suatu bentuk kesatuan pemikiran dan identiti sebagai rakyat Malaysia. Hasil pendidikan ini seterusnya mampu menggerakkan rakyat mengaplikasikan bahasa sebagai alat untuk menjayakan perpaduan dalam pelbagai aspek kehidupan;

### 33.6. **Jurang Generasi**

Masyarakat Malaysia kini mempunyai pelbagai lapis generasi yang berstruktur dalam konteks usia, pendidikan, pekerjaan, ideologi, budaya dan teknologi yang menyebabkan berlaku pertembungan dari segi nilai, budaya, semangat jati diri dan tahap toleransi. Jurang generasi ini dilihat kian melebar. Isu dan cabaran perpaduan sudah pasti berbeza antara generasi dan amat memerlukan pendekatan yang bersesuaian berdasarkan pengalaman hidup setiap generasi;

### 33.7. **Gender**

Walaupun isu gender sering kali diungkap sebagai perbezaan kesaksamaan hak antara lelaki dan wanita, namun dalam konteks perpaduan, persoalan gender dilihat dalam skop peranan dan kapasiti lelaki dan wanita untuk menjayakan agenda perpaduan pada peringkat individu, keluarga dan komuniti. Keupayaan merungkai peranan dan kapasiti gender menggunakan konteks perpaduan sebenar mampu mencorak pembangunan masyarakat dengan lebih dinamik;

### 33.8. **Politik Federalisme**

Pentadbiran dan sistem tadbir urus di peringkat Persekutuan dan negeri perlu dilihat dari aspek sempadan politik, ekonomi dan sosial di mana terdapat perkara yang telah dipersetujui sebagai urusan peringkat negeri (seperti agama dan tanah). Politik federalisme muncul sebagai isu dan cabaran yang cuba mengheret perpaduan apabila isu-isu etnik diperdebatkan dalam konteks hak masing-masing dalam Perlembagaan. Oleh itu, politik federalisme perlulah diteliti dan dibincangkan dalam konteks permasalahan yang sebenar. Pemimpin di setiap peringkat juga memainkan peranan penting sebagai pemangkin perpaduan;

### 33.9. **Ruang Bandar-Desa**

Ruang bandar dan desa sering dibezakan melalui kekangan fizikal dan infrastruktur yang telah mencorak ciri sosial masyarakat dan aktiviti ekonomi. Dalam konteks perpaduan, isu dan cabaran sebenar menjangkau kekangan ini dan

perlu dilihat atas kesediaan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti memanfaatkan ruang bandar-desa dalam mengukuhkan perpaduan, bersesuaian dengan keperluan dan cabaran yang berbeza di antara bandar dan desa; dan

### 33.10. **Media**

Hebahan maklumat yang begitu pantas merupakan cabaran yang dihadapi oleh semua negara. Media massa dan digital sekiranya disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menggugat kestabilan dan perpaduan. Oleh itu, komunikasi yang lebih berkesan serta penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuhkan bagi mengimbangi kesan negatif kepesatan teknologi media yang semakin mencabar ruang perpaduan masa kini.

## **Teras Perpaduan**

34. Dasar Perpaduan Negara ialah inisiatif berterusan dalam menerajui agenda perpaduan untuk melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan berkeperibadian tinggi, membangun identiti nasional yang mempunyai cita-cita sepunya serta mengukuhkan ekosistem perpaduan negara.

35. Teras perpaduan di bawah Dasar Perpaduan Negara merangkumi enam (6) nilai dalam Kerangka Malaysia MADANI yang digariskan kepada tiga (3) teras perpaduan seperti berikut:

### **35.1. Teras Perpaduan 1: Patriotisme dan Demokrasi**

- a) Pelaksanaan bersasar digerakkan bagi meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan kefahaman rakyat berhubung dengan sejarah Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Di samping itu, tindakan memperkukuhkan integrasi nasional sebagai medium pengukuhan perpaduan terus disemarakkan.
- b) Usaha ini ke arah matlamat untuk memupuk semangat cintakan negara yang digambarkan melalui kecelikan dan kematangan demokrasi dalam kalangan rakyat sekali gus melahirkan rakyat yang lebih bertanggungjawab dalam mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

### **35.2. Teras Perpaduan 2: Identiti Nasional**

- a) Pembangunan Malaysia MADANI seiring dengan usaha pembentukan identiti nasional. Pelaksanaan strategi berfokus di bawah teras ini akan menyemarakkan sikap saling hormat menghormati sesama rakyat, menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat serta sifat kebertanggungjawaban mempertahankan kedaulatan negara. Ia akan jadi norma sosial dan budaya masyarakat Malaysia dan lambang identiti nasional bangsa Malaysia.

### 35.3. Teras Perpaduan 3: Ekosistem Perpaduan

- a) Kepentingan mewujudkan persekitaran yang membudayakan perpaduan memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Ekosistem yang saling menyokong akan dapat memastikan kelestarian dan kemampuan sesuatu dasar.
- b) Kebersamaan dan keterangkuman dalam mewujudkan persekitaran ke arah pengukuhan perpaduan adalah penting bagi memastikan kebolehcapaian matlamat pengukuhan ekosistem Perpaduan Malaysia MADANI.

### Strategi Pelaksanaan

36. Perpaduan Malaysia MADANI ini disusun secara sistematik dengan merangkai teras strategi utama yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara. Pelaksanaan program digerakkan mengikut 12 strategi berfokus iaitu:

- 36.1. Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan **Perlembagaan dan Rukun Negara**;
- 36.2. Meningkatkan pemahaman dan penghayatan **Sejarah Malaysia**;
- 36.3. Mengukuhkan **integrasi nasional**;
- 36.4. Mengukuhkan peranan **Bahasa** sebagai medium integrasi perpaduan;

- 36.5. Mengukuhkan kefahaman **agama, budaya** dan **adat resam** pelbagai etnik;
- 36.6. Membentuk masyarakat dengan **nilai murni** berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia;
- 36.7. Memantapkan keberkesanan **komunikasi** bagi meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat;
- 36.8. Mengekalkan, membina dan mengukuhkan **tapak integrasi** perpaduan;
- 36.9. Memperkasakan jentera perpaduan melalui **kolaborasi strategik**;
- 36.10. Memantapkan dan memperkasakan **institusi keluarga** dan **komuniti**;
- 36.11. Meningkatkan penguatkuasaan **undang-undang** dan keberkesanan mekanisme pemantauan; serta
- 36.12. Mengukuhkan peranan **pemimpin** sebagai pemangkin perpaduan.

### ***Flagship* - Kembara Perpaduan Malaysia MADANI**

37. Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.



38. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan menelusuri ke seluruh pelosok negara dari bandar ke desa, dari prasekolah ke institusi pendidikan tinggi dan dari pemimpin ke akar umbi dalam usaha memberi pengetahuan dan kefahaman yang menyeluruh.

39. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan bertindak melalui pendekatan-pendekatan berfokus kepada pencapaian matlamat Malaysia MADANI dengan mendepani serta mengurus isu dan cabaran yang boleh menggugat perpaduan dan kesejahteraan masyarakat.

### **Program Perpaduan Malaysia MADANI**

40. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

41. Ketiga-tiga kluster program ini boleh dilaksanakan sama ada secara gabungan atau secara berasingan. Pendekatan pelaksanaan yang sama juga terpakai kepada aktiviti-aktiviti di bawah setiap kluster. Pelaksanaan program dan aktiviti akan dibuat berdasarkan kesesuaian tempat, masa dan kumpulan sasar. Berikut ialah tiga (3) kluster program yang telah dirancang untuk dilaksanakan:

#### 41.1. Semarak Kenegaraan

- a) Bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Perincian program dijelaskan seperti di Lampiran 1.
  
- b) Antara aktiviti yang akan dilaksanakan melalui program Semarak Kenegaraan seperti berikut:
  - i. Citra Nusa: Malaysia Tanah Airku
  - ii. Apresiasi Rukun Negara
  - iii. Dialog Anak Muda
  - iv. Pameran Mini Rukun Negara
  - v. Kisah Kejayaan Malaysia Kita
  - vi. *Cross Culture Sharing Session*
  - vii. Pertandingan Video Pendek: Cerita Malaysia Kita
  - viii. Cita rasa Menu KAMI
  - ix. Pameran Fotografi Wajah Malaysia Kita
  - x. Kapsul Harapan untuk Malaysia
  - xi. Ikrar Setiaku
  - xii. Tik Tok Negaraku
  - xiii. *Youth UNITI Crossword (YOU)*
  - xiv. Pertandingan Debat Perpaduan
  - xv. Fiesta Merdeka
  - xvi. Kembara Ilmu

- xvii. Bicara Pemikiran Tokoh Negarawan
- xviii. Citra Merdeka
- xix. Pameran Naskah Agung Manuskrip Negara

#### 41.2. **Semarak Perpaduan**

- a) Untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian, aktiviti yang dilaksanakan akan menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial agar detik-detik perpaduan atau moment of unity akan sentiasa dilihat, didengar dan dirasai di setiap lapisan masyarakat. Perincian program dijelaskan seperti di Lampiran 2.
  
- b) Antara aktiviti yang dirangka melalui program Semarak Perpaduan seperti berikut:
  - (i) Sambutan Minggu Perpaduan
  - (ii) Showcase Rumah KAMI
  - (iii) Ini warisan kita
  - (iv) Galeri UNITI Malaysia
  - (v) Liga Sukan Perpaduan / Sukan Uniti / Sukan Rakyat Malaysia MADANI
  - (vi) Unity Walk/ Run
  - (vii) Piknik Perpaduan
  - (viii) Citarasa Menu KAMI

- (ix) Ramah Tamah Perpaduan Keamatan Gawai
- (x) Kenduri Kendara
- (xi) Keharmonian Antara Penganut Agama  
(HARMONI)
- (xii) Simposium Perpaduan
- (xiii) Konvensyen NGO Perpaduan
- (xiv) Jalinan Integrasi Nasional
- (xv) Koir Perpaduan
- (xvi) Pantun Perpaduan
- (xvii) Diskusi Perpaduan
- (xviii) *Unity Internship Programme*
- (xix) My Hero
- (xx) Kem Anak Malaysia
- (xxi) Semarak Muzium 2023
- (xxii) Bermalam di Muzium
- (xxiii) Hari Muzium Antarabangsa
- (xxiv) Karnival Semarak Jawi
- (xxv) Singgah Santai PNM
- (xxvi) Minggu Arkib Antarabangsa
- (xxvii) Kenduri Kendera
- (xxviii) Jom Cuba
- (xxix) Pertandingan e-Poster
- (xxx) Busana KAMI
- (xxxi) Cendekiawan Cilik
- (xxxii) Explorasi Negara Kita
- (xxxiii) Lego Uniti / Puzzle Uniti
- (xxxiv) Persembahan Kebudayaan / Alat Muzik /  
Tarian
- (xxxv) Demonstrasi Seni

### 41.3. Komuniti Rahmah

- a) Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembleran tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Perincian program dijelaskan seperti di Lampiran 3.
  
- b) Antara aktiviti yang dirangka melalui program Komuniti Rahmah seperti berikut:
  - i. Bantuan Bakul RAHMAH (*RTCares*)
  - ii. Ziarah RAHMAH Perpaduan
  - iii. Gerobok Komuniti RAHMAH
  - iv. Team Sukarelawan Muda
  - v. Projek Ekonomi Komuniti KRT
  - vi. Program TUNAS
  - vii. Pembangunan Sudut Ilmu (Mini Library)
  - viii. Program Tusyen Komuniti RAHMAH
  - ix. Projek Daya Cipta Jiran Muda
  - x. Kursus Inventori Permasalahan Komuniti (INPEK)
  - xi. Pemimpin Muda Lestari
  - xii. Pemimpin Muda Prihatin
  - xiii. Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif

- xiv. Jom Komuniti 4S (Selesa, Selamat, Sihat, Sejahtera)
- xv. RT2U: *One Stop Community Centre*
- xvi. Info4Unity
- xvii. Kampan “Jiranku Keluargaku”
- xviii. Program Minda Sejahtera
- xix. RT Cakna
- xx. Ikon/ Influencer Mengikut Kelompok Komuniti
- xxi. Projek Daya Cipta Jiran Wanita
- xxii. Program Keusahawanan Jiran Wanita
- xxiii. Program GERAK {Gagasan Perpaduan Rakyat}
- xxiv. Program Sayangi Komuniti (PSK}
- xxv. *Young, Effective, Smart* (YES) Jiran Muda
- xxvi. Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN)
- xxvii. Pendidikan Keselamatan & Kesejahteraan Kejiranan
- xxviii. Mesra Jiran dan Kempen Jiranku Keluargaku
- xxix. Gerak PADU
- xxx. Pusat Mediasi Komuniti
- xxxi. Konvensyen Rukun Tetangga

## **Pemboleh Daya Perpaduan**

42. Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI menekankan kesediaan kepada penerokaan secara menyeluruh. Dalam konteks ini, Kementerian Perpaduan Negara menitikberatkan empat (4) pemboleh daya perpaduan yang telah dikenal pasti menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan memberikan kesan kepada perpaduan iaitu:

- 42.1. meningkatkan peluang ekonomi yang saksama;
- 42.2. memperkasakan kumpulan minoriti dan rentan ekonomi;
- 42.3. mengukuhkan jaringan perlindungan sosial; dan
- 42.4. memperkasakan inovasi sosial serta merapatkan jurang pembangunan dan kebolehcapaian.

## **Jentera Pelaksana**

43. Pembentukan Malaysia MADANI adalah suatu proses berterusan yang memerlukan keterlibatan dan sumbang saran daripada segenap lapisan masyarakat. Manakala kunci kepada kejayaan pelaksanaan dasar-dasar membangun Malaysia MADANI adalah kebolehpayaan jentera pelaksana menggerakkan tindakan berdasarkan kerangka MADANI sebagai rujukan asas yang selari dengan teras dan strategi Dasar Perpaduan Negara.

### **43.1. Agensi Kementerian Perpaduan Negara**

- a) Kementerian Perpaduan Negara akan menggerakkan agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Yayasan Tuanku Abdul Rahman (YTAR) dan Yayasan Tun Razak (YTR) untuk menerajui pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dirancang.

- b) Penglibatan jentera perpaduan khususnya Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan dan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) akan diperkasakan bagi menyokong pelaksanaan setiap program dan aktiviti berkaitan. Kolaborasi strategik ini juga akan digerakkan melibatkan agensi swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) yang lain.

#### 43.2. **Agensi Lain:**

- a) Pelaksanaan Perpaduan Malaysia MADANI juga akan menggunakan “*whole of government approach*” iaitu kerjasama antara agensi kerajaan merentas sempadan portfolio organisasi dengan berkongsi tindakan untuk mencapai matlamat pembangunan Malaysia MADANI. Pelaksanaan dipergiatkan dengan melibatkan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta lain-lain agensi yang berkaitan.



## **Kumpulan Sasar**

44. Program dan aktiviti di bawah kerangka Perpaduan Malaysia MADANI disasarkan kepada semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, kaum, agama dan budaya.

## **Tempoh Pelaksanaan**

45. Mendukung Dasar Perpaduan Negara dengan teras strategik dan pemboleh daya perpaduan yang terancang membolehkan visi Perpaduan Malaysia MADANI akan dapat dicapai. Kewajaran ini diterjemahkan kepada pelaksanaan Perpaduan Malaysia MADANI di bawah Dasar Perpaduan Negara yang bersifat jangka panjang serta disokong oleh program dan aktiviti berstruktur merangkumi pelaksanaan tempoh jangka pendek dan sederhana serta bersifat kebolehcapaian segera (*quick win*).

46. Perancangan ini secara umumnya mempunyai tiga (3) peringkat tempoh pelaksanaan yang meliputi jangka panjang, jangka sederhana dan jangka pendek seperti berikut:

### **46.1. Perancangan Jangka Panjang**

Strategi jangka panjang merupakan usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia seiring pembudayaan Malaysia MADANI. Keberhasilannya akan diukur melalui Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang merupakan satu model komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan dan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

IPNas telah dijadikan sebagai salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) dengan sasaran skor 0.7 pada 2025.

#### 46.2. **Perancangan Jangka Sederhana**

Perancangan jangka sederhana disesuaikan dan diselarakan dengan matlamat dasar-dasar sedia ada Kerajaan seperti berikut :

- a) Rancangan Malaysia Ke12 (RMKe-12) 2021-2025.
- b) Dasar Perpaduan Negara.
- c) Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030.
- d) Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030

#### 46.3. **Perancangan Jangka Pendek:**

Merupakan pelaksanaan aktiviti yang bersifat pencapaian matlamat segera. Ia menumpukan kepada bajet tahunan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Dasar dan strategi pelaksanaan tahunan adalah selari dengan perancangan jangka sederhana dan panjang.

## PENILAIAN PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

### Indeks Perpaduan Nasional

47. **Indeks Perpaduan Nasional** (IPNas) adalah inisiatif penting kerajaan untuk mengukur pencapaian tahap perpaduan semasa dalam kalangan rakyat Malaysia. IPNas dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

48. Kajian IPNas dimulakan kali pertama pada tahun 2018 dengan memperoleh nilai 0.567. Manakala IPNas 2022 mencatatkan nilai 0.629 iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding tahun 2018. Nilai ini menunjukkan perpaduan nasional berada pada **tahap sederhana** dan **terkawal**. Berdasarkan indeks ini masih banyak tindakan yang perlu dilaksanakan khususnya oleh kerajaan dan menuntut komitmen dan sokongan semua pihak.

49. Dapatan IPNas menunjukkan **dua (2) perkara** yang perlu diberi perhatian iaitu **hubungan sosial rentas etnik** serta **tadbir urus dan pembangunan**. Di samping itu, **etos bangsa** juga dilihat sebagai satu (1) faktor penting yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan nasional. Usaha-usaha untuk **meningkatkan jati diri rakyat** di bawah etos bangsa hendaklah sentiasa dilaksanakan walaupun hubungan sosial rentas etnik merupakan ruang utama yang perlu diperbaiki.

50. Selain IPNas terdapat dua indeks yang turut menggambarkan keadaan masyarakat Malaysia iaitu Indeks Kesejahteraan (IKRM) dan Indeks Kebahagiaan (MHI).

## **Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia**

51. Kesejahteraan adalah nilai penting dalam masyarakat dan boleh digunakan untuk mengukur kemajmukan masyarakat khususnya mencerminkan keadaan kehidupan secara material dan kualiti hidup sesebuah masyarakat.

52. Kerajaan menggunakan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2021 untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial. Pengukuran meliputi lima (5) komponen ekonomi iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan serta persekitaran kerja. Manakala sosial meliputi sembilan (9) komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.

53. Prestasi IKRM tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3% kepada 119.2 mata berbanding 117.7 mata pada tahun 2020 yang mana setiap subkomposit ekonomi dan sosial menunjukkan peningkatan.

## **Indeks Kebahagiaan**

54. Takrifan kebahagiaan adalah sebuah konsep multi-dimensi yang merujuk kepada kepuasan, perasaan bahagia, kesenangan hidup dan kesejahteraan pelbagai aspek kehidupan individu.

55. Kerajaan melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membangunkan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) yang bertujuan untuk mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual.

56. MHI menggunakan nilai skor tahap kebahagiaan dari 0.00 hingga 10.00 dengan 5 kategori tahap iaitu sangat tidak bahagia, tidak bahagia, sederhana bahagia, bahagia dan sangat bahagia. Skor MHI pada tahun 2021 adalah 6.48 yang menggambarkan kebahagiaan rakyat Malaysia berada pada tahap bahagia.

57. Dapatan penemuan ketiga-tiga indeks secara ringkasnya menggambarkan kesederhanaan, keadaan terkawal namun perlu dipertingkatkan. Berdasarkan nilai prestasi ketiga-tiga indeks juga menjelaskan terdapat ruang perlu diperbaiki khususnya dalam menguruskan masyarakat majmuk di Malaysia yang mana peranan serta tanggungjawab ini perlu digalas oleh pihak kerajaan dengan sokongan daripada pelbagai pihak yang lain.

## **PENUTUP**

58. Ringkasnya, Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian ini merupakan usaha penyatupaduan yang berterusan untuk mendidik, membentuk peribadi dan tingkah laku masyarakat Malaysia yang berjiwa ihsan, peduli serta meraikan kepelbagaian. Nilai-nilai ini merupakan cerminan masyarakat yang maju, terampil dan terangkum sebagai mengisi kepada sebuah Negara MADANI.

# **LAMPIRAN 1**

## **PROGRAM SEMARAK KENEGARAAN**

## KERTAS KONSEP PROGRAM SEMARAK KENEGARAAN

---

### Pendahuluan

1. Program Semarak Kenegaraan merupakan pendekatan baharu bagi memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui usaha memasyarakatkan Rukun Negara. Ia dirangka bagi memupuk semangat jati diri dan cintakan negara. Program ini akan menggunakan budaya popular dan penjenamaan yang lebih kreatif dan terkini seperti berikut:

- 1.1. Menggunakan pendekatan budaya popular, bersifat segar, inovasi terkini tanpa mengetepikan kepentingan mesej dan matlamat semangat yang ingin dibentuk;
- 1.2. Kolaborasi bersama figura-figura yang mempunyai aura inspirasi, motivasi, pengaruh luar biasa dengan nilai kebersamaan serta kasih sayang yang boleh dikongsi; dan
- 1.3. Pelaksanaan bersifat santai yang memberi prioriti sentimen dan selera masyarakat awam sebagai pihak berkepentingan yang utama.

2. Budaya popular dan penjenamaan program yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

### 2.1. **Penglibatan Ikon Populer**

Keterlibatan secara berterusan ikon popular seperti selebriti, *influencer* serta tokoh popular.

### 2.2. **Kesinambungan Penglibatan**

Figura popular ini akan terlibat secara langsung dengan penjenamaan program secara berterusan.

### 2.3. **Penjenamaan Visual**

Keseragaman dan penghasilan visual seperti lagu tema, muzik video, cenderamata, logo, pakaian dan sebagainya.

### 2.4. **Santai dan Terkini**

Kandungan bagi program ini akan direka agar tidak berbentuk *hard sell* tetapi bersifat santai dan terkini.

### 2.5. **Memenuhi Citarasa Orang Muda**

Aktiviti yang dilaksanakan akan memberi keutamaan untuk memenuhi citarasa golongan belia.

### 2.6. **Memanfaatkan Teknologi & Platform Digital**

Memastikan teknologi dimanfaatkan sepenuhnya serta menggunakan pengaruh media sosial ke arah penjenamaan yang lebih meluas.



## **Matlamat Program Semarak Kenegaraan**

3. Matlamat utama pelaksanaan program Semarak Kenegaraan adalah untuk:

- 3.1. Menyemarakkan semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara melalui penghayatan prinsip-prinsip Rukunegara bagi membentuk warganegara yang bertanggungjawab, bertoleransi dan mempunyai jati diri yang kukuh;
- 3.2. Mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi mereka berlandaskan semangat hormat menghormati, bekerjasama, bermuafakat serta bertoleransi; dan
- 3.3. menyediakan ruang dan tapak integrasi bagi tujuan percambahan idea, falsafah dan pemahaman berkaitan agenda penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan terutamanya dari kelompok generasi muda;

4. Pelaksanaan program Semarak Kenegaraan meliputi peringkat nasional hingga ke peringkat akar umbi dengan kerjasama dan penyertaan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO. Kerjasama dan penglibatan semua pihak ini adalah bagi memastikan segala inisiatif mendukung perpaduan dihayati ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

5. Kata akar kepada program Semarak Kenegaraan ialah isu cabaran kelestarian perpaduan dalam konteks dan kerangka Rukun Negara. Bukan sahaja menyasarkan semangat patriotisme dan demokrasi serta ekosistem perpaduan, matlamat akhir inisiatif ini sudah semestinya adalah untuk Menjamin Kesejahteraan Insan, tunjang kedua (2) dalam Teras Strategik Utama, Membina Negara MADANI.

6. Antara pengisian aktiviti yang dirangka melalui program Semarak Kenegaraan adalah seperti berikut:

#### 6.1. **Program Citra Nusa:Malaysia Tanah Airku**

Program berteraskan warisan seni dan budaya yang berkonsepkan karnival atau fiesta yang menyasarkan penyertaan seluruh masyarakat pelbagai latar belakang, budaya dan kaum. Dilaksanakan menerusi pendekatan *rejuvenete* (meremajakan) melalui seni dan teknologi. Program ini bertujuan untuk menyemarak nilai-nilai perpaduan dan semangat patriotisme menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi. Di samping memupuk kefahaman dan kesedaran terhadap kepelbagaian warisan sejarah dan budaya yang perlu dihargai sebagai identiti nasional yang diwarisi sekali gus memupuk minat masyarakat terhadap warisan bersifat '*tangible*' dan '*intangible*' dalam kalangan generasi muda.

#### 6.2. **Apresiasi Rukun Negara**

Berkonsepkan acara persembahan seperti acara kebudayaan, tayangan video, pelbagai acara seni serta

persembahan-persembahan kreatif lain yang berkonsepkan patriotisme dan apresiasi Rukun Negara.

### 6.3. **Dialog Anak Muda**

Dialog ini akan mengupas tentang isu semasa yang mungkin agak berat tetapi diberi pendekatan secara santai. Contohnya, bagaimana menerap semangat dan citra Rukun Negara kepada kelompok muda di dalam negara ini terutamanya dalam konteks ledakan dan cabaran media sosial. Dialog ini akan menampilkan wakil golongan muda serta *influencer* dan dijalankan secara interaktif dua hala.

### 6.4. **Pameran Mini Rukun Negara**

Merupakan pameran yang memberi tumpuan kepada prinsip Rukun Negara sebagai wadah perpaduan kepelbagaian kaum di Malaysia. Kandungan pameran boleh turut menyentuh sejarah perpaduan di Malaysia serta harapan dan aspirasi perpaduan pada masa hadapan. *Influencer* terlibat sebagai moderator pameran dan berkonsepkan *story telling*.

### 6.5. **Kisah Kejayaan Malaysia Kita**

*Unsung heroes* : Merupakan rangkuman perkongsian dan tayangan video kisah-kisah individu yang telah memberi sumbangan besar kepada negara. Walau bagaimanapun, mereka ini acap kali tidak diangkat pengorbanan mereka kerana sifat mereka yang lebih banyak berada di belakang tabir. Slot ini turut menyediakan peluang kepada masyarakat awam untuk berkongsi kisah kejayaan dan aspirasi mereka untuk masa depan negara.

#### 6.6. **Cross Culture Sharing Session**

Merupakan sesi perkongsian para tokoh, ilmuwan, sukarelawan, pemimpin komuniti serta golongan generasi muda dari pelbagai latar belakang yang menzahirkan pengalaman mereka dalam mendepani suasana kepelbagaian dalam perbezaan. Penonton boleh turut berinteraksi secara langsung dan memenangi hadiah menarik menerusi perkongsian aspirasi yang terpilih.

#### 6.7. **Pertandingan Video Pendek : Cerita Malaysia Kita**

Merupakan pertandingan penghasilan video pendek kreatif dengan durasi tidak lebih daripada tiga minit. Kandungan yang dicadangkan untuk pertandingan ini adalah dalam bentuk cerita naratif, dokumentari, sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam yang mengekspresikan semangat cintakan Negara. Penghasilan kandungan seperti ini dapat memupuk minat dan kreativiti di kalangan masyarakat maya dalam mempromosi perpaduan dan integrasi nasional.

#### 6.8. **Citarasa Menu KAMI**

Masakan dan makanan sentiasa menjadi elemen perpaduan rakyat Malaysia. Sesi ini melibatkan sesi perkongsian, demonstrasi, pertandingan ataupun pameran berkaitan Citarasa Ini Malaysia Kita.

#### 6.9. **Pameran Fotografi Wajah Malaysia Kita**

Merupakan pertandingan dan pameran fotografi yang mempamerkan wajah-wajah perpaduan dan kesepaduan

sosial di Malaysia. Dizahirkan menerusi rakaman foto-foto yang memvisualkan semangat ini.

#### 6.10. **Kapsul Harapan untuk Malaysia**

Merupakan penghasilan visual, penulisan ataupun posting foto atau video di media sosial seperti tiktok dan instagram yang bermotifkan pernyataan terima kasih dan harapan untuk Malaysia.

#### 6.11. **Ikrar Setiaku**

Inisiatif ke arah memperkukuhkan semangat kenegaraan dengan melaksanakan lafaz ikrar serentak di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Konsep pelaksanaan adalah lafaz ikrar penuh yang dimulakan dengan lafaz cita-cita diikuti lafaz prinsip Rukun Negara serta penerangan berkaitan Rukun Negara pada setiap hari Isnin minggu pertama bagi setiap bulan.

#### 6.12. **Tik Tok Negaraku**

Perkongsian video pendek berkaitan kenegaraan dan perpaduan oleh Sekretariat Rukun Negara menggunakan akaun TikTok rasmi SRN institut pengajian terbabit.

#### 6.13. **Youth UNITI Crossword (YOU)**

Aktiviti yang menguji minda pelajar iaitu teka silang kata bertemakan perpaduan dan Rukun Negara. Soalan akan dimuat naik di Portal JPNIN dan menarik ramai pelajar untuk meneroka portal dan memperoleh informasi tentang JPNIN.

#### **6.14. Pertandingan Debat Perpaduan**

Pertandingan debat bertemakan kenegaraan dan perpaduan yang melibatkan penyertaan pelajar daripada pelbagai kaum.

#### **6.15. Program Kembara Ilmu**

Program ini berkonsepkan aktiviti mencari maklumat secara *treasure hunt*. Ia sebagai salah satu usaha mempromosikan budaya membaca walau di mana berada serta memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di Malaysia.

7. Program Semarak Kenegaraan juga merangkumi aktiviti-aktiviti lain seperti Fiesta Merdeka, Program Kembara Ilmu, Bicara Pemikiran Tokoh Negarawan, Program Citra Merdeka dan Pameran Naskhah Agung Manuskrip Negara.

8. Pelaksanaan program Semarak Kenegaraan secara keseluruhannya mempunyai empat (4) kumpulan sasaran yang telah dirangka bagi memenuhi tuntutan kelompok-kelompok tertentu dalam konteks agenda kenegaraan dan patriotisme seperti berikut:

##### **8.1. Umum**

Aktiviti-aktiviti dan program di platform terbuka, pelbagai dan dilaksanakan di tempat-tempat tumpuan seperti pusat membeli belah.

## 8.2. **Mahasiswa**

Menggunakan platform Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) melalui pelaksanaan program di Institusi Pengajian Tinggi.

## 8.3. **Pelajar Sekolah**

Menggunakan platform Kelab Rukun Negara (KRN) melalui inisiatif yang tertumpu di sekolah.

## 8.4. **Komuniti**

Menggunakan platform Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang mempunyai rangkaian aktiviti khusus untuk komuniti dan masyarakat.

9. Selain daripada pelaksanaan di peringkat kebangsaan, program Semarak Kenegaraan akan dilaksanakan di enam (6) zon iaitu Zon Sabah, Sarawak, Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Dalam masa yang sama, program Semarak Kenegaraan akan turut dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi, sekolah dan komuniti. Agensi-agensi Kerajaan dan swasta juga diminta sama-sama menyahut inspirasi ini dengan melaksanakan program penghayatan Rukun Negara di peringkat organisasi masing-masing.

## **IMPAK / HASIL (*OUTCOME*)**

10. Menerusi usaha giat di lapangan dan juga di platform digital, jenama Semarak Kenegaraan diharapkan menjadi satu jenama popular

mencerminkan kebersamaan seluruh rakyat Malaysia yang memiliki nilai-nilai patriotisme, cintakan Negara, hormat-menghormati dan kesatuan.

11. Melalui pengisian program-program yang dirangka dalam inisiatif Semarak Kenegaraan, pandangan dan perspektif anggota masyarakat dalam melihat isu dapat diperhalusi seterusnya menjadi medium kepada penghasilan dan penjana pelbagai idea baharu dalam merealisasikan adaptasi falsafah semangat perpaduan, kesukarelawanan, kepimpinan dan patriotisme.

## **PENUTUP**

12. Pendekatan menerusi penjenamaan budaya popular dan pendekatan media massa terkini mampu menjadikan inisiatif Semarak Kenegaraan sebagai platform terbaik untuk mengukuhkan penyatupaduan Bangsa Malaysia.

13. Inisiatif Semarak Kenegaraan merupakan pendekatan baharu bagi memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui proses memasyarakatkan Rukun Negara. Konsep memasyarakatkan Rukun Negara ini bererti masyarakat perlu didedahkan kepada Rukun Negara bukan hanya aspek perundangan semata-mata, tetapi dari perspektif sejarah, budaya, agama, politik, undang-undang dan hubungan etnik.



# **LAMPIRAN 2**

# **PROGRAM SEMARAK PERPADUAN**

## KERTAS KONSEP PROGRAM SEMARAK PERPADUAN

---

### Pendahuluan

1. Program Semarak Perpaduan bertujuan untuk memupuk semangat persefahaman dan muhibah antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini ke arah Membina Malaysia MADANI yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Program ini juga merupakan usaha Kementerian untuk memperbanyak dan mempelbagaikan program-program yang dapat memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan atau *moment of unity*.
2. Pelaksanaan Program Semarak Perpaduan adalah bertemakan “Merakyatkan Perpaduan”. Prinsip asas merakyatkan perpaduan memerlukan rakyat negara ini meraikan perbezaan dalam kepelbagaian kerana dalam apa keadaan sekalipun, perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan menjadi teras kepada keharmonian masyarakat.
3. Program Semarak Perpaduan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan penglibatan kesemua agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Jabatan Arkib Negara (JAN), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Yayasan Tuanku Abdul Rahman (YTAR), Yayasan Tun Abdul Razak (YTR) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

4. Pelaksanaan program Semarak Perpaduan meliputi peringkat nasional hingga ke peringkat akar umbi dengan kerjasama dan penyertaan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO. Kerjasama dan penglibatan semua pihak ini adalah bagi memastikan segala inisiatif mendukung perpaduan dihayati ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

### **Matlamat program**

5. Bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat, program Semarak Perpaduan dirangka dengan matlamat untuk:

5.1. Menyemarakkan aspirasi Malaysia MADANI melalui nilai hormat, toleransi, kerjasama, penerimaan, peduli, rahmah dan ihsan; dan

5.2. Meningkatkan semangat muhibah dalam kalangan masyarakat bagi memperkasa agenda perpaduan nasional.

### **Pengisian Program**

6. Terdapat empat (4) segmen bagi pengisian program Semarak Perpaduan iaitu:

## 6.1. Segmen Detik Perpaduan

### a) **Sambutan Minggu Perpaduan**

Sambutan minggu perpaduan akan disambut pada minggu terakhir bulan Mei setiap tahun melibatkan peringkat kebangsaan dan negeri. Sambutan ini bertujuan menyebarkan dan membudayakan agenda perpaduan kepada setiap anggota masyarakat. Sambutan Minggu Perpaduan tahun 2023 diberi nafas baharu dengan pengisian program selari dengan Dasar Perpaduan Negara dan matlamat pembangunan Malaysia MADANI.

### b) **Showcase Rumah KAMI**

Pameran berkonsepkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang memberi peluang kepada setiap pengunjung mengenali keistimewaan dan keunikan tradisi dan budaya yang menjadi amalan masyarakat majmuk di negara ini. Pengenalan terhadap kepelbagaian budaya mampu menyuntik rasa menghargai antara satu sama lain di samping dapat memperkukuh amalan hormat-menghormati antara kaum.

### c) **Ini warisan kita**

Program yang dilaksanakan membawa konsep Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusif (KAMI) bertujuan untuk mengekalkan dan menyemarakkan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum, meningkatkan jati diri dan melahirkan penerimaan masyarakat terhadap kepelbagaian sekali gus dapat meraikan kebersamaan.

Program ini membawa prinsip asas memahami, menghormati dan penerimaan terhadap tiga (3) kluster warisan kita iaitu budaya, bahasa dan adat.

d) **Geleri UNITI Malaysia**

Merupakan program yang menghimpunkan karya-karya istimewa detik-detik perpaduan merentasi sempadan kaum, agama, budaya dan bahasa. Garapan pelbagai aktiviti yang dapat menyatupadukan masyarakat dan membuka ruang untuk rakyat saling berinteraksi.

e) **Citarasa Menu KAMI**

Bertujuan untuk mencungkil tapak integrasi baharu yang dapat menyatupadukan masyarakat majmuk menerusi platform makanan atau *tagline* “foodunities”. Melibatkan kolaborasi dengan kafe yang mengekalkan konsep sajian utama menu tempatan yang digemari oleh pengunjung pelbagai kaum.

f) **Kenduri Kendara**

Merupakan program penyediaan makanan secara gotong-royong dengan menekankan aspek kerjasama dalam komuniti.

g) **Jom Cuba**

Program yang menyediakan platform kepada masyarakat untuk mencuba makanan, permainan alat muzik tradisional, dan pakaian pelbagai etnik di Malaysia.

h) **Piknik Perpaduan**

Tapak perpaduan bagi pelaksanaan aktiviti kekeluargaan dan sahabat handai yang dapat mengeratkan hubungan dan keharmonian masyarakat. Aktiviti dilaksanakan secara santai dengan pengisian yang mengekalkan elemen kepelbagaian kaum.

i) **Pertandingan e-Poster Perpaduan Malaysia MADANI**

Bertujuan untuk mempromosikan semangat perpaduan melalui medium digital dengan memberi penekanan terhadap elemen kreativiti dan inovasi.

j) **Busana KAMI**

Persembahan Busana Etnik Malaysia yang melambangkan budaya dan identiti kaum

k) **Ramah-tamah Perpaduan Keamatan Gawai**

Pelaksanaan sambutan ini di Semenanjung Malaysia bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat di Semenanjung berkaitan kebudayaan negeri Sabah dan Sarawak. Kemeriahan sambutan Tadau Kaamatan dan Hari Gawai yang disambut merupakan simbolik kepada semangat perpaduan yang bertujuan untuk memupuk semangat kebersamaan dan kekitaan dalam menerima kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia yang menjadi tunjang kepada kelestarian keharmonian dan kemakmuran yang kita miliki hari ini.

l) **Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)**

Program ini merupakan program lawatan ke rumah ibadat (Masjid, Gereja, Tokong, Kuil, Gurdwara). Setiap lokasi akan diadakan pengisian aktiviti seperti Ceramah keselamatan oleh PDRM mengenai keselamatan jenayah *scammer* / penularan isu agama, Ceramah kesihatan / derma darah, ceramah kenali adat budaya dan pemberian sumbangan kebajikan.

m) **Konvensyen NGO Perpaduan**

Konvensyen NGO Perpaduan merupakan inisiatif KPN untuk menghimpunkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) daripada seluruh negara yang aktif terlibat dalam penganjuran program-program penghayatan perpaduan untuk berkongsi pengalaman dan idea, mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan pelaksanaan agenda perpaduan nasional serta mendapatkan input-input untuk memperkasa semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat. Konvensyen ini secara langsung akan menjadi medium penghubung di antara NGO-NGO dan KPN untuk memperkukuhkan hubungan dan kerjasama.

n) **Jalinan Integrasi Nasional**

Program integrasi yang berkonsepkan program anak angkat yang melibatkan penyertaan peserta dari wilayah yang berlainan. Program ini melibatkan dua peringkat iaitu Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa dan Jalinan Integrasi Nasional Penjawat Awam. Ia menerapkan

elemen kepelbagaian budaya, agama dan adat resam kaum di Malaysia. Pengisian program ini bermatlamatkan pemupukan perpaduan dan perkongsian nilai kebersamaan dalam meningkatkan lagi integrasi dalam kalangan masyarakat.

o) **Koir Perpaduan**

Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik adalah salah satu medium yang berkesan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dan meningkatkan interaksi sosial di kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Pelaksanaan juga adalah bertujuan menjadikan nyanyian lagu-lagu patriotik sebagai satu amalan atau budaya masyarakat Malaysia.

p) **Pantun Perpaduan**

Pertandingan Pantun Perpaduan dilaksanakan bertujuan meningkatkan lagi literasi, pemahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian budaya yang ada dalam negara yang seterusnya mengukuhkan semangat patriotisme kepada negara. Tema Pertandingan Pantun Perpaduan adalah bertemakan kenegaraan dan perpaduan yang melibatkan penyertaan pelajar sekolah menengah. Penyertaan bagi setiap kumpulan mestilah terdiri daripada pelbagai kaum.

q) **My Hero**

Pengiktirafan kepada wira/wirawati yang banyak membantu masyarakat dan tanpa mengharapkan balasan



(*unsung hero*). Pengorbanan mereka ini sering kali tidak diberi pendedahan kepada umum. Justeru pengiktirafan ini dilaksanakan dalam usaha menzahirkan kepada semua bahawa setiap rakyat Malaysia sebenarnya mempunyai semangat kekitaan yang tinggi dan saling tolong menolong tanpa mengira latar belakang agama dan kaum.

r) **Semarak Muzium**

Berkonsepkan menyemarakkan muzium dengan pelbagai aktiviti yang disesuaikan mengikut jenis muzium dan dengan kolaborasi strategik melibatkan muzium-muzium di peringkat negeri.

s) **Bermalam di Muzium**

Program Signature yang dibuka kepada para pelajar sekolah dari usia 13 hingga 17 tahun, bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada mereka mengenai koleksi sejarah, budaya dan warisan serta peranan muzium sebagai sebuah institusi Pendidikan yang tidak formal. Program ini akan melibatkan Muzium-muzium Persekutuan.

t) **Hari Muzium Antarabangsa**

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan adalah program yang diadakan setiap tahun melibatkan penyertaan semua muzium-muzium negeri, agensi, institusi dan swasta di seluruh negara. Pengisian utama program melibatkan Pameran, Karnival Muzium. Seminar/Forum, Karnival Jualan/Kraftangan Hasil Seni &

Warisan, Persembahan Kebudayaan (Muzik & Tarian), Demonstrasi Warisan Kebudayaan (Kebudayaan & Masakan) dan Program Muzium & Komuniti

u) **Karnival Semarak Jawi**

Program kerjasama PNM bersama MUIP yang bertujuan untuk mempromosi dan menanam minat/cintaan tulisan Jawi kepada masyarakat. Pelbagai pengisian aktiviti yang menarik akan dijalankan sepanjang program ini seperti Bengkel Klinik Dr Jawi, Kaligrafi bersama pakar tulisan Cina/India, Forum Malaysia Kita dan pelbagai kuiz dan pertandingan

v) **Singgah Santai**

Program berkonsepkan didik hibur dan santai ilmu ini bertujuan memberi galakan kepada komuniti setempat untuk mengunjungi, mendekati dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM disamping melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti yang menarik. Tema program ini adalah perpaduan dan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat Malaysia

w) **Minggu Arkib Antarabangsa**

Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa dilaksanakan dengan pengisian program sesi libat urus pendigitalan pengurusan rekod yang melibatkan pihak kerajaan dan komuniti, seminar surat persendirian dan koleksi persendirian serta program bicara lestari rekod; Selamatkan Khazana Negara.

## 6.2. Segmen Pendidikan Perpaduan

### a) **Cendekiawan CILIK**

Merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar dan dalam kelas yang direka bentuk oleh Guru Tabika Perpaduan dengan penekanan inovasi dan kreativiti dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

### b) **Sembang Uniti/ Interaktif Malaysia MADANI**

Perbincangan atau interaksi / forum / sesi perkongsian / *townhall* secara dua hala berkaitan ekosistem kesepaduan sosial untuk mencapai masyarakat Madani.

### c) **Eksplorasi Negara Kita**

Merupakan program penerokaan kefahaman berkaitan sejarah, adat, budaya, permainan dan seni mempertahankan diri pelbagai kaum di Malaysia. Program ini melibatkan acara berpasukan yang dianggotai pelbagai kaum.

### d) **LEGO Uniti**

Bertujuan untuk menyemarakkan pengetahuan dan kefahaman mengenai perpaduan dalam aspek permainan bongkah plastik dan diterjemahkan dalam bentuk yang melambangkan mercu tanda negara dan perpaduan di Malaysia.

e) **Puzzle Uniti**

Bertujuan untuk menyemarakkan pengetahuan dan kefahaman mengenai perpaduan dalam aspek permainan menyusun gambar yang menggunakan cebisan susun atur dan dilaksanakan dalam pelbagai pendekatan seperti pertandingan. Matlamat program adalah bagi melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif menggunakan elemen mercu tanda negara, ikon perpaduan dan mesej-mesej perpaduan.

6.3. **Segmen Rekreasi Malaysia MADANI**

a) **Sukan Uniti**

Pertandingan sukan futsal dan bola jaring yang dilaksanakan bermula di peringkat negeri sehingga peringkat kebangsaan yang menekankan elemen utama iaitu mewajibkan penyertaan pelbagai kaum dalam setiap pasukan yang bertanding.

b) **Sukan Rakyat Malaysia MADANI**

Pendedahan kepada sukan tradisional yang jarang dimainkan oleh masyarakat masa kini dengan matlamat mengekalkan warisan dan kebudayaan masyarakat Malaysia. Sukan rakyat yang dimainkan seperti Congkak, Diabolo, Yo-Yo Cina, Batu Seremban dan Dam Aji.

c) ***Unity Walk/ Run/ Ride***

Program yang memupuk semangat kebersamaan melalui pendekatan sihat dan santai yang diterjemahkan dalam kelompok masyarakat pelbagai kaum.

d) **Senam Harmoni**

Merupakan satu aktiviti yang menghimpunkan peserta daripada pelbagai kaum untuk melakukan senaman agar dapat membuka ruang untuk memahami dan menghormati kaum lain seterusnya dapat memperkukuhkan hubungan antara kaum.

e) **Persembahan Kebudayaan**

Bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat cintakan negara yang tidak berbelah bahagi. Dipersembahkan dengan iringan lagu patriotik yang mempunyai kepelbagaian melodi, lirik dan impak yang kuat untuk mengukuhkan perasaan cinta dan bangga menjadi rakyat Malaysia.

a) **Persembahan Alat Muzik Tradisional**

Menggunakan medium alat muzik tradisional untuk memperkenalkan kebudayaan melalui seni persembahan dalam masyarakat dengan alunan muzik yang pelbagai, sekali gus berperanan sebagai saluran komunikasi dan hiburan. Alat muzik tradisional yang digunakan seperti Rebana, Kompang, Gendang Cina, Tabla, Sompoton.

b) **Persembahan Tarian Pelbagai Kaum**

Berkonsepskan memperkenalkan kekayaan tradisi dan budaya masyarakat melalui persembahan seni tari. Bertujuan memastikan warisan budaya terpelihara yang disampaikan melalui seni tari dengan mengungkapkan perasaan, maksud dan pemikiran yang diterjemahkan melalui adat dan budaya sesuatu kaum. Pelbagai bidang seni tari antaranya Sumazau, Ngajat, Zapin, Tarian Payung, Tarian Bharatanatyam akan dipersembahkan.

c) **Demonstrasi Seni Mempertahankan Diri Pelbagai Kaum**

Memperkenalkan unsur kebudayaan dan warisan melalui seni mempertahankan diri. Pelaksanaan dibuat dengan persembahan demonstrasi seni mempertahankan diri mengikut kepakaran seperti Seni Silat, Silambam, Wushu, Kuntau (Iban) dan Gatka (Sikh).

d) **Kem Anak Malaysia**

Pelaksanaan program yang bertujuan untuk menyemai dan menerapkan semangat patriotik khususnya untuk generasi muda bertunjangan Prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan sasaran program ini adalah melibatkan pelajar sekolah menengah. Pendekatan program ini adalah berbentuk ikhtiar hidup untuk membentuk jatidiri dan pembudayaan nilai perpaduan dalam kehidupan seharian.

## **IMPAK PROGRAM**

7. Melalui penganjuran Semarak Perpaduan di semua peringkat, tapak-tapak integrasi baharu perpaduan akan terus bercambah, interaksi dan toleransi akan terus terjalin dan muhibah akan terus bersemarak.

## **PENUTUP**

8. Inisiatif Semarak Perpaduan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, swasta, NGO, CSO dan komuniti perlu dipergiatkan ke arah membentuk masyarakat MADANI sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

# **LAMPIRAN 3**

## **PROGRAM KOMUNITI RAHMAH**



## KERTAS KONSEP PROGRAM KOMUNITI RAHMAH

---

### Pendahuluan

1. Seiring dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan untuk membangun Malaysia MADANI, maka Ekosistem Perpaduan adalah antara agenda penting sebagai pemangkin negara yang mampan, makmur dan adil melalui pembinaan **Komuniti RAHMAH**.
2. Program yang dirangka bagi membina komuniti RAHMAH khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga adalah bertunjangkan kepada masa hadapan yang mampan dan sejahtera meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.
3. Dalam konteks ini, enam nilai MADANI menjadi teras kepada pembinaan Komuniti RAHMAH dengan menyuburkan sifat ihsan, jati diri, peduli, kasih sayang, saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, toleransi dan penerimaan dalam setiap anggota masyarakat untuk memacu Malaysia yang bersatu padu, makmur dan lebih cemerlang.
4. Komuniti RAHMAH melibatkan penggemblengan inisiatif agensi Kerajaan, swasta, NGO, keluarga dan juga komuniti khususnya komuniti Rukun Tetangga. Usaha ini menyasarkan kepada tindakan secara kolektif oleh seluruh masyarakat khususnya dari pelbagai latar belakang bermula dari kanak-kanak hingga ke warga emas.

## **Matlamat Program Komuniti RAHMAH**

5. Program-program yang dirangka untuk membangun Komuniti RAHMAH adalah bertujuan untuk:

- 5.1. Melahirkan komuniti yang memiliki nilai jati diri, sifat ihsan, peduli, kasih sayang, saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, toleransi dan penerimaan;
- 5.2. Meningkatkan taraf dan kualiti hidup serta kesejahteraan komuniti melalui aktiviti yang meningkatkan peluang pekerjaan, menjana pendapatan serta mengurangkan kos sara hidup yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai agensi Kerajaan, NGO dan swasta.
- 5.3. Membentuk komuniti yang harmoni dan bersatu padu dengan memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional.

## **Pengisian Komuniti RAHMAH**

6. Bagi mencapai matlamat tersebut, antara aktiviti yang dirangka di bawah program Komuniti RAHMAH ialah:

### **6.1. Bakul RAHMAH (RTCares)**

Sumbangan makanan dan keperluan asas untuk membantu komuniti yang terkesan dengan krisis ekonomi bagi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup mereka.

## 6.2. **Ziarah RAHMAH Perpaduan**

Bertujuan untuk membina masyarakat yang prihatin dan penyayang yang sentiasa peduli kepada kebajikan dan kesejahteraan komuniti setempat. Ia merupakan satu bentuk sokongan sosial kepada anggota komuniti yang dalam kesusahan, kesempitan atau keuzuran dengan mengadakan lawatan ke rumah-rumah mereka untuk bertanya khabar dan menyampaikan sumbangan makanan, keperluan asas atau kewangan.

## 6.3. **Gerobok Komuniti RAHMAH**

Projek ini bertujuan untuk membantu golongan yang terjejas dengan kos sara hidup yang tinggi untuk mendapatkan keperluan asas mereka. Inisiatif ini melibatkan KRT, Jawatankuasa Penduduk atau organisasi dalam sesuatu komuniti menyediakan makanan dan barangan keperluan asas dalam satu-satu tempat atau pusat. Makanan dan barangan ini hasil sumbangan penduduk setempat atau pihak-pihak lain seperti agensi kerajaan, NGO dan swasta.

## 6.4. **Team Sukarelawan Muda**

Program ini melibatkan kumpulan golongan muda yang berumur 13 tahun ke atas untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan dalam memberi khidmat komuniti. Antara khidmat komuniti yang boleh dilaksanakan adalah memberi bantuan kebajikan kepada golongan berkeperluan khas, warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya. Impak program ini untuk menarik minat golongan muda dalam aktiviti kesukarelawanan.

#### 6.5. **Projek Ekonomi Komuniti KRT**

Membantu komuniti menjana pendapatan bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup mereka. Antaranya ialah Kebun Komuniti, pengumpulan dan penjualan minyak masak terpakai, produk makanan, katering, kraf tangan, *homestay*, dan ternakan.

#### 6.6. **Program TUNAS**

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawanan sejak di awal usia persekolahan. TUNAS bermaksud: Terap, Usaha, Nilai, amalan, Sukarela. Antara pengisian yang boleh dilakukan ialah aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti setempat.

#### 6.7. **Pembangunan Sudut Ilmu (*Mini Library*)**

Pembangunan Sudut Ilmu sebagai inisiatif dalam menyediakan ruangan akses bahan ilmiah seperti buku akademik, bahan-bahan bacaan formal atau tidak formal, ruang diskusi dan sebagainya. Pembangunan sudut ilmu ini menyasarkan komuniti sebagai pengguna. KRT diberi tanggungjawab untuk mencari lokasi dan kemudahan yang bersesuaian untuk menyediakan ruangan ini melalui dana sedia ada atau mencari sumbangan daripada individu/agensi/industri.

#### 6.8. **Program Tuisyen Komuniti RAHMAH**

Program ini dilaksanakan sebagai inisiatif untuk membantu anak-anak jiran muda dalam kalangan keluarga B-40 serta calon-calon peperiksaan utama (UPSR, PT3 & SPM, STPM).

Pelaksanaan ini adalah secara kolaborasi strategik antara KRT bersama ahli-ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang berdekatan dengan kawasan Rukun Tetangga. Program ini turut menjadi sebahagian program khidmat bakti SRN & YSS kepada komuniti setempat.

#### **6.9. Projek Daya Cipta Jiran Muda**

Program ini diadakan bertujuan untuk membangunkan potensi Jiran Muda melalui budaya kreatif dan inovatif terhadap isu dan ruang penambahbaikan dalam KRT selain mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan warga KRT bermula daripada Jiran Muda. Ia juga bertujuan untuk menjana idea dan kreativiti dalam kalangan Jiran Muda dalam penganjuran aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada golongan belia/muda.

#### **6.10. Kursus Inventori Permasalahan Komuniti (INPEK)**

Kursus ini dilaksanakan dengan memberi pendedahan terhadap isu semasa dalam komuniti melalui intervensi yang perlu dilaksanakan untuk membantu komuniti. Intervensi ini bertujuan untuk menghubungkan kepakaran NGO dan agensi berkaitan terhadap individu yang terlibat dalam permasalahan. Ia mampu melahirkan pemimpin Rukun Tetangga yang berkebolehan dan berkemahiran dalam menangani permasalahan dalam komuniti. Kursus ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dengan objektif:

- a) Meningkatkan kebolehan mengenal pasti permasalahan dalam komuniti.
- b) Meningkatkan kebolehan menangani permasalahan dalam komuniti.
- c) Meningkatkan kemahiran AJKRT dalam menjalin hubungan strategik antara pelbagai pihak.

#### 6.11. **Pemimpin Muda Lestari**

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk memberi kefahaman dan pendedahan mengenai tanggungjawab sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga dalam beradaptasi terhadap perubahan yang berlaku dalam komuniti memberi kefahaman tentang kepentingan menyediakan data profil penduduk yang lengkap dan meningkatkan semangat kemasyarakatan dan kesukarelawanan yang tinggi (*passion*) sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga. Program ini akan melahirkan pemimpin pelapis Rukun Tetangga yang mempunyai wawasan, ilmu, semangat kesukarelawanan yang tinggi dan komunikasi berkesan serta diterima oleh semua lapisan masyarakat. Pelaksanaan program ini adalah secara kelas, taklimat, seminar, kursus dan bengkel dengan pengisian seperti berikut:

- a) Kebolehan untuk menjangka keperluan masa depan komuniti (*Foresight Thinking*)
- b) Kepimpinan fleksibel dan tangkas (*Agile Management*).
- c) Daya ketahanan (*resilience*), *sustainable*, kreatif, inovatif.

- d) Pelaksanaan program merentasi pelbagai bidang seperti kerohanian, kemahiran rundingan, penerapan integriti, kemahiran komunikasi, mediasi.
- e) Pendidikan, kesihatan, sains dan teknologi.
- f) *Digital Community- Society 5.0*: Menyejahterakan komuniti menggunakan teknologi.

#### 6.12. **Pemimpin Muda Prihatin**

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk mendedahkan golongan muda kepada isu sebenar dalam komuniti, meningkatkan keterlihatan (*visibility*) kepimpinan golongan muda dalam kalangan komuniti dan menjiwai semangat kekitaan (*sense of belonging*) dalam komuniti. Program ini dilaksanakan melalui aktiviti kemasyarakatan, kem khidmat bakti dan program mentor-mentee Rukun Tetangga.

#### 6.13. **Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif**

Melahirkan pemimpin muda yang mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam aktiviti khidmat masyarakat. Ia menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk melahirkan golongan muda yang mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan inovatif serta membentuk pemimpin muda yang berdaya tahan dan berfikiran terbuka. Program ini dilaksanakan melalui *Case Study*, kem dan taklimat/kursus dengan pengisian seperti berikut:

- a) *Resilien / berdaya tahan*
- b) *Sustainable, creative, innovative*

- c) *Dare to be different*
- d) Mencari peluang dan ruang
- e) *Open minded – open for constructive criticism*

#### 6.14. **Jom Komuniti 4S (Selesa, Selamat, Sihat, Sejahtera)**

Objektif program untuk meningkatkan kesedaran pengurusan isu sosial dan kesedaran dalam komuniti serta mengamalkan budaya prihatin dan 'ambil tahu'. Rukun Tetangga bertindak sebagai pemudah cara mengurus isu sosial bagi membina komuniti yang selesa, selamat, sihat dan sejahtera.

#### 6.15. **RT2U: One Stop Community Centre (Fizikal)**

Bermatlamat untuk meningkatkan kecekapan pengurusan isu sosial dalam komuniti serta memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai *Bridge Builder* atau sumber rujukan sosial dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan, penyampaian dan penyebaran maklumat kepada komuniti bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan Rukun Tetangga kepada komuniti.

#### 6.16. **Info4unity**

Objektif program untuk meningkatkan peranan Rukun Tetangga sebagai sumber maklumat tepat atau sumber rujukan sosial untuk memastikan penyampaian maklumat kepada komuniti melalui media sosial seperti *Whatsapp, Telegram, Facebook dan Instagram*.



### **6.17. Kempen 'Jiranku Keluargaku'**

Program ini melibatkan kumpulan sasar yang terdiri daripada penduduk di dalam kawasan kejiranan. Program ini bertujuan untuk mewujudkan satu medium interaksi untuk saling kenal mengenali, tolong-menolong dan bertolak ansur selari dengan peningkatan semangat kejiranan. Pendekatan yang boleh digunakan seperti melantik seorang ketua jiran yang akan mengetuai jiran-jiran yang berada dalam lorong, blok, aras dan sebagainya. Penerapan nilai 4S iaitu (senyum, sapa, salam dan sembang). Program ini diharapkan mewujudkan masyarakat aman, sejahtera dan selamat.

### **6.18. Program Minda Sejahtera**

Objektif program untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan mental dalam kalangan keluarga komuniti Rukun Tetangga serta mengamalkan gaya hidup sihat dan positif melalui ceramah, kaunseling, ujian kesihatan mental dan sesi perkongsian bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup komuniti.

### **6.19. RT Cakna**

Merupakan program kemasyarakatan melalui kolaborasi bersama pakar bagi melahirkan keluarga yang bahagia dan harmoni. Satu siri kursus bertujuan untuk mendidik dan memantapkan pengetahuan ibu bapa dan komuniti dalam:

- a) Psikologi anak-anak
- b) Ibu bapa cemerlang
- c) Keluarga Bahagia

- d) Pengurusan kewangan keluarga
- e) Komunikasi keluarga

#### **6.20. Ikon/ Pempengaruh mengikut Kelompok Komuniti**

Ikon/ Pempengaruh mengikut kelompok komuniti bertujuan mempromosikan jentera dan kelompok komuniti kepada semua komuniti dalam kawasan kejranaan. Program ini dijalankan sepanjang tahun. Kaedah melaksanakan program ini dengan melantik ikon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan mengikut kelompok komuniti. Tempoh pelantikan ikon adalah selama 2 tahun.

#### **6.21. Projek Daya Cipta Jiran Wanita**

Projek Daya Cipta Jiran Wanita diadakan bertujuan untuk membangunkan potensi Jiran Wanita melalui budaya kreatif dan inovatif terutama dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti Jiran Wanita. Pelaksanaan program adalah di peringkat KRT itu sendiri.

#### **6.22. Program Keusahawanan Jiran Wanita**

Program ini bertujuan untuk memberi peluang Jiran Wanita untuk menjalankan peluang perniagaan dan memasarkan produk KRT yang diusahakan sendiri oleh Jiran Wanita. Produk ekonomi KRT khusus daripada Jiran Wanita dapat dipasarkan melalui program ini dan usaha ini dapat memperkasakan KRT/Jiran Wanita selain meningkatkan taraf ekonomi warga KRT dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan komuniti.

### 6.23. Program GERAK – Gagasan Perpaduan Rakyat

Pelaksanaan aktiviti di peringkat komuniti secara serentak di seluruh negara bagi membangunkan Komuniti RAHMAH dan mampan. Aktiviti dilaksanakan setiap bulan atau sekurang-kurangnya sekali setiap dua bulan. Antaranya ialah Program Jom Sihat, Rondaan Keselamatan Kejiranan, *Unity Plogging*, Masak Bubur Lambuk, Sambutan Minggu Perpaduan dan Patriotisme.

### 6.24. Program Sayangi Komuniti (PSK)

Program ini dilaksanakan dalam kawasan *hot spot* berisiko tinggi yang memberi tumpuan kepada masyarakat yang berpendapatan rendah (B40). Program dan aktiviti dirangka untuk menangani isu-isu yang dikenal pasti dalam komuniti serta untuk memenuhi keperluan mereka.

### 6.25. Program *Young, Effective, Smart* (YES) Jiran Muda

Program ini berbentuk kem selama 3 hari 2 malam menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk meningkatkan kefahaman terhadap sensitiviti budaya, agama dan keperluan kumpulan rentan (*vulnerable group*), meningkatkan kebolehan mengenal pasti dan menangani permasalahan dalam komuniti, serta meningkatkan kemahiran golongan muda dalam menjalin hubungan strategik antara pelbagai pihak.

### 6.26. Program Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN)

Program ini menyasarkan khususnya AJK Rukun Tetangga dan kelompok komuniti dengan objektif untuk meningkatkan

hubungan muhibah antara komuniti Rukun Tetangga melalui lawatan integrasi ilmu ke komuniti yang cemerlang sebagai penanda aras bagi penambahbaikan kualiti Rukun Tetangga serta membuka ruang serta peluang untuk sesi perkongsian pengalaman tentang *good practice* tentang kepimpinan dalam usaha untuk membina komuniti mampan dan rahmah.

#### **6.27. Program Pendidikan Keselamatan & Kesejahteraan Kejiranan**

Program ini bertujuan untuk mewujudkan komuniti yang selamat dan sejahtera dengan menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah kawalan dan rondaan, taklimat keselamatan, Dialog Keselamatan Kejiranan dan Kempen Kesedaran Keselamatan Kejiranan.

#### **6.28. Program Mesra Jiran**

Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan kejiranan dalam komuniti setempat dalam usaha membentuk Komuniti Rahmah melalui nilai-nilai prihatin, kasih sayang, hormat menghormati dan saling bekerjasama.

#### **6.29. Gerak PADU**

Program Gerak Padu merupakan satu manifestasi kesediaan dan kepekaan Jabatan terhadap cabaran-cabaran baharu ekoran daripada situasi semasa Negara dalam menangani isu-isu yang boleh menggugat perpaduan, keharmonian masyarakat dan kestabilan negara. Program ini melibatkan gerak kerja yang komprehensif iaitu 5P (Pengesanan,

Pemantauan, Pencelahan, Pemulihan dan Pelaporan) dengan tujuan mengawal ketegangan sesuatu insiden daripada merebak sehingga mengakibatkan kesan yang lebih besar terhadap masyarakat dan negara melalui tindakan intervensi sosial (Mediasi/ Dialog/Program Penggalakan/ Diskusi Ilmiah dan lain-lain).

### 6.30. Pusat Mediasi Komuniti

Pusat Mediasi Komuniti berfungsi sebagai sebuah kemudahan sosial yang menjadi rujukan kepada komuniti setempat dalam mengurus dan menangani konflik tanpa melibatkan proses mahkamah, penyelesaian dilaksanakan dengan lebih mudah dalam suasana harmoni yang dikendalikan oleh Mediator Komuniti bertauliah sebagai pengantara (pemudah cara) dan perkhidmatan diberikan secara *pro-bono* (percuma). Pusat ini turut dijadikan sebagai tempat untuk aktiviti sosial dan kemasyarakatan bagi memupuk semangat muhibah dan membina hubungan harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum.

### 6.31. Konvensyen Rukun Tetangga

Program ini menghimpunkan pemimpin-pemimpin KRT dari seluruh negara dan sebagai *platform* untuk perkongsian idea serta percambahan minda untuk membangunkan komuniti mampan dan rahmah.

## **Impak Program Komuniti RAHMAH**

7. Pembinaan Komuniti RAHMAH melalui rangka tindakan yang kolektif oleh Kementerian Perpaduan Negara akan membangun komuniti yang mampan dan sejahtera yang menjadi tonggak kepada Malaysia MADANI.

8. Pelbagai pengisian dirangka merangkumi aspek perpaduan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar akan dapat memperkasa dan mendayaupayakan komuniti. Ini bagi membantu Kerajaan menangani isu-isu masyarakat seperti isu perbezaan, kemiskinan, sosial terpinggir serta isu-isu yang boleh menjejaskan kualiti dan kesejahteraan masyarakat.

## **Penutup**

9. Program Komuniti RAHMAH adalah antara inisiatif Kementerian Perpaduan Negara dalam merealisasikan usaha Kerajaan Perpaduan membangun Malaysia MADANI. Inisiatif ini dirangka dengan menekankan kepada pemupukan nilai-nilai kemanusiaan seperti ihsan, kasih sayang, peduli, hormat menghormati, toleransi dan penerimaan antara satu sama lain.

10. Konsep Komuniti RAHMAH seharusnya dibugarkan dalam perspektif yang positif dan produktif serta melangkaui kemajmukan yang ada. Melalui penerapan nilai-nilai tersebut, Malaysia mampu membina satu ekosistem yang harmoni dan sejahtera serta memacu Malaysia ke arah kecemerlangan.